



13 Januari 2014
13 January 2014
P.U. (A) 16

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2014

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2014**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Pengecualian

2. (1) Apa-apa surat cara bagi perjanjian pinjaman atau pembiayaan di bawah syariah yang boleh dikenakan duti di bawah subsubbutiran 27(a)(i) Jadual Pertama Akta yang disempurnakan antara suatu Perusahaan Kecil dan Sederhana yang telah mendapat kelulusan untuk insentif di bawah Polisi Laluan Hijau daripada Sekretariat Polisi Laluan Hijau Kementerian Kewangan dengan—

- (a) Bank Pertanian Malaysia Berhad;
- (b) Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF); atau
- (c) Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV),

dikecualikan daripada duti setem.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), perjanjian pinjaman atau pembiayaan di bawah syariah adalah surat cara yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2014.

(3) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hanya boleh diberi sekali sahaja.